



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES

SEMESTER II SIDANG AKADEMIK 2019/2020

PPK 311: PENDEKATAN PENGAJARAN PELAJAR BERMASALAH PEMBELAJARAN

TUGASAN 4 ESEI A:

**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) BERDASARKAN 1 PENDEKATAN
PENGAJARAN PELAJAR BERMASALAH PEMBELAJARAN**

(PENDEKATAN DEDUKTIF)

DISEDIAKAN OLEH:



NAMA:

NURSYAZANA BINTI MOHD KAMAL

142733

PENSYARAH:

EN. FADZIL BIN ABDULLAH


RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

- Mata pelajaran : Matematik
- Kelas : 4 Wira
- Tarikh : 20 Jun 2020
- Hari : Rabu
- Masa : 10:00pagi -11:00 pagi
- Bilangan murid : 6 orang
- Aras murid : Sederhana
- Pendekatan pengajaran : Pendekatan deduktif
- Tajuk : Perimeter dan Luas
- Standard kandungan : 1.1 Menentukan perimeter pelbagai bentuk
- Standard pembelajaran :
- Menentukan perimeter bagi bentuk dua dimensi
 - Menentukan perimeter gabungan bentuk dua dimensi
- Objektif pembelajaran : Murid dapat:
- Menyatakan bentuk dua dimensi.
 - Menentukan perimeter dengan maklumat yang diberi
 - Menentukan perimeter gabungan bentuk dua dimensi
- Pengetahuan sedia ada :
- Murid memahami arahan lisan
 - Murid pernah melihat bentuk dua dimensi

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) :

Penerapan nilai	Patuh arahan, berusaha, menghargai, berkerjasama
Kemahiran berfikir	Hubung kait, mengenalpasti, membuat perwakilan, kreatif
Bahasa	Bahasa Melayu,
Komunikasi	Bahasa lisan dan bukan lisan

Bahan Bantuan Mengajar (BBM) : slaid power point, video, pen marker, pembaris, kalkulator, kertas A4, kad gambar berbentuk dua dimensi, 'Kit Perimeter', lembaran kerja

Langkah Masa	Isi pelajaran	Aktiviti guru	Aktiviti murid	Catatan
Set induksi (5 minit)	Aktiviti jom menyanyi	<ol style="list-style-type: none"> Guru memasang lagu 'Didi and Friends' bertajuk "Mengantuknya a Mumia" dan mengajak murid-murid menyanyi bersama-sama. Melalui video yang ditayangkan, guru menanyakan apakah bentuk yang murid dapat lihat dalam video tersebut. 	<ol style="list-style-type: none"> Murid bernyanyi bersama-sama guru. Murid mengangkat tangan dan menjawab soalan guru. 	BBM: Video EMK: Komunikasi -Bahasa lisan dan bukan lisan Bahasa -Bahasa Melayu Nilai -Patuh, kerjasama
Langkah 1 (10 minit)	Aktiviti Mengenali bentuk	<ol style="list-style-type: none"> Guru menunjukkan kad berbentuk dua dimensi kepada murid dan menanyakan nama bentuk yang ditunjukkan.  Guru menanyakan jumlah sisi bentuk yang ditunjukkan. Guru menceritakan kepada murid kisah tentang kebun sayur 	<ol style="list-style-type: none"> Murid menjawab soalan yang diajukan oleh guru. Murid menjawab jumlah sisi bentuk yang ditunjukkan oleh guru. Murid memberi perhatian terhadap kisah kebun Pak Abu yang 	BBM: Kad berbentuk 2 dimensi, slaid pembentangan EMK: Kemahiran Berfikir -Hubung kait kebun Pak Abu dengan perimeter Bahasa -Bahasa Melayu Nilai -Bekerjasama

		<p>Pak Abu yang musnah diserang kambing. Guru menyoal murid bagaimana kebun Pak Abu diserang kambing. Guru mencungkil idea murid.</p> <p>4. Guru mengaitkan perimeter dan kebun sayur Pak Abu yang perlu dipagar.</p>	<p>diceritakan oleh guru. Murid menjawab soalan guru dengan memberi jawapan punca kebun Pak Abu diserang kerana tidak memasang pagar.</p> <p>4. Murid memberi perhatian terhadap penerangan guru tentang kaitan perimeter dan kebun sayur Pak Abu yang perlu dipagar.</p>	
Langkah 2 (15 minit)	Aktiviti penerangan menentukan perimeter 1	<p>1. Guru menerangkan alat yang diperlukan untuk menentukan perimeter iaitu pembaris dan kalkulator.</p> <p>2. Guru menunjukkan cara menentukan perimeter berbentuk dua dimensi apabila maklumat diberi.</p> <p>3. Guru menunjukkan cara menentukan perimeter berbentuk dua dimensi</p>	<p>1. Murid mengenal pasti alat yang diperlukan untuk menentukan perimeter.</p> <p>2. Murid memberi perhatian terhadap penerangan guru.</p> <p>3. Murid memberi perhatian terhadap penerangan guru dan menjawab soalan guru.</p>	<p>BBM: Pen marker, pembaris, kalkulator, 'Kit Perimeter'</p> <p>EMK: Komunikasi -Bahasa lisan dan bukan lisan</p> <p>Bahasa -Bahasa Melayu</p> <p>Nilai -Patuh arahan, bekerjasama, berusaha</p>

		apabila maklumat tidak diberi sambil bersoal jawab dengan murid.		
Langkah 3 (15 minit)	Aktiviti penerangan menentukan perimeter 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menunjukkan cara menentukan perimeter gabungan bentuk dua dimensi apabila maklumat diberi. 2. Guru menunjukkan cara menentukan perimeter gabungan bentuk dua dimensi apabila maklumat tidak diberi sambil bersoal jawab dengan murid. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid memberi perhatian terhadap cara menentukan perimeter yang ditunjukkan oleh guru. 2. Murid mendengar penerangan guru tentang cara menentukan perimeter gabungan bentuk dua dimensi dan menjawab soalan guru. 	<p>BBM: ' Kit Perimeter', pen marker, pembaris</p> <p>EMK: Bahasa -Bahasa Melayu</p> <p>Nilai -Patuh arahan, bekerjasama, berusaha</p>
Langkah 4 (10 minit)	Aktiviti pengukuhan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengedarkan lembaran kerja kepada murid. 2. Guru meminta murid untuk siapkan lembaran kerja yang diberi dalam tempoh enam minit dengan bimbingan guru. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid mendapat seorang sehelai lembaran kerja. 2. Murid menyiapkan lembaran kerja yang diberi mengikut tempoh yang diberi dengan bimbingan guru. 	<p>BBM: Lembaran kerja</p> <p>EMK: Bahasa -Bahasa Melayu</p> <p>Nilai -Patuh arahan, bekerjasama, berusaha</p>

		3. Guru membincangkan jawapan bersama-sama murid.	3. Murid menyemak jawapan masing-masing.	
Penutup (5 minit)	Rumusan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang pembelajaran hari tersebut. 2. Guru meminta semua murid berikan tepukan pada diri sendiri sebagai tanda penghargaan dan memberi galakan kepada murid untuk kekalkan semangat untuk belajar pada waktu yang akan datang. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid menjawab soalan guru. 2. Murid memberi tepukan pada diri sendiri sebagai tanda penghargaan. 	EMK: Nilai -Sayang menyayangi, menghargai, bekerjasama
Refleksi:				

BAHAN BANTUAN MENGAJAR

Nama Bahan Bantuan Mengajar: Kit Perimeter

Objektif:

- I. Murid dapat menyatakan bentuk dua dimensi.
- II. Murid dapat menentukan perimeter dengan maklumat yang diberi.
- III. Murid dapat menentukan perimeter gabungan bentuk dua dimensi.

Kumpulan sasaran: Murid bermasalah pembelajaran tahap sederhana

Bahan-bahan yang digunakan: kertas warna, lidi, kotak, kertas A4, pen warna, salotape, pembaris, pen marker, sticker hiasan, *hot glue gun*, gunting.



Pengenalan:

'Kit Perimeter' ialah sebuah bahan bantu mengajar yang mengandungi pelbagai bahan-bahan di dalamnya seperti pembaris, pelbagai jenis bentuk dua dimensi, papan putih kecil dan pen marker yang dapat membantu guru untuk mengajar murid tentang topik perimeter. Saiznya yang kecil memudahkan guru untuk membawa ke mana sahaja dan menggunakannya di mana sahaja. Di dalam 'Kit Perimeter' ini terbahagi kepada dua iaitu bahagian pertama adalah digunakan oleh guru untuk pengenalan perimeter dan menunjukkan cara menentukan perimeter, manakala bahagian kedua pula merupakan bahagian untuk guru melatih murid untuk menentukan perimeter dengan memberi soalan yang berbentuk penyelesaian masalah.



Cara penggunaan:

1. Guru memulakan dengan mengenalkan alat yang digunakan untuk menentukan perimeter iaitu pembaris dan kalkulator.
2. Guru menunjukkan bentuk dua dimensi kepada murid dan menanyakan bentuk apa yang ditunjukkan.
3. Guru mengambil satu bentuk dua dimensi daripada poket bentuk dan lekatkan di papan putih mini disebelahnya. Selepas itu, guru menunjukkan cara menentukan perimeter bentuk tersebut.
4. Selepas murid sudah mengetahui cara menentukan perimeter bentuk dua dimensi, guru boleh memberi soalan perimeter dalam bentuk ayat seperti rajah di bawah.



5. Guru bebas untuk menentukan soalan dan meletakkan ukuran pada setiap sisi bentuk yang ditunjukkan.

Kelebihan:

- 1) Ringan dan mudah dibawa ke mana sahaja.
- 2) Fleksibel. Guru bebas menentukan soalan dan meletakkan ukuran sisi pada bentuk yang ditunjukkan kepada murid.

- 3) Serbaguna untuk tajuk Perimeter dan Luas. Guru dapat menggunakan 'Kit Perimeter' ini semula untuk standard kandungan seterusnya iaitu menentukan luas sesuatu bentuk.
- 4) Guru boleh menggunakannya secara individu kepada murid yang masih belum dapat menguasai asas perimeter.

Kelemahan:

- 1) Saiz yang kecil. Tidak sesuai untuk digunakan untuk murid yang berskala besar.
- 2) Mudah rosak apabila terkena air kerana ia diperbuat daripada kotak dan kertas.

LAMPIRAN


LEMBARAN KERJA

Mengukur perimeter segiempat sama, segiempat tepat dan segitiga




Cuba soalan di bawah ini.

A. Cari perimeter rajah di bawah..




Perimeter

$$= \square + \square + \square + \square$$
$$= \text{--- cm}$$



Perimeter

$$= \square + \square + \square + \square$$
$$= \text{--- cm}$$




Perimeter

$$= \square + \square + \square$$
$$= \text{--- cm}$$

Cari perimeter bagi setiap rajah di bawah.

(a)



(b)

